

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Individu yang mungkin menghidap penyakit mental mesti dibantu oleh ahli keluarga untuk mendapatkan rawatan

Dr Kasemani Embong,
Pengarah Kesihatan Terengganu



Pemandu wanita didakwa tak pernah dapat rawatan

Dungun: Pemandu wanita yang terbabit dalam kemalangan yang mengorbankan tiga pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Dungun tidak pernah mendapat rawatan di kemudahan awam di negeri ini.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr Kasemani Embong, berkata pihaknya tidak mempunyai rekod kesihatan wanita berusia 49 tahun terbabit.

Beliau berkata, pihaknya tidak dapat mengesahkan sama ada wanita terbabit mendapat rawatan di negeri lain.

Katanya, individu yang mungkin menghidap penyakit

mental mesti dibantu oleh ahli keluarga untuk mendapatkan rawatan.

Pemandu wanita yang merepuh dua motosikal pelajar direman empat hari mulai Khamis lalu.

Perintah reman terhadap wanita berusia 49 tahun yang juga suri rumah itu dikeluarkan Majistret Nur Amira Fatimah Osman, selepas menerima permohonan polis di Mahkamah Majistret Kuala Terengganu.

Suspek yang memandu kenderaan utiliti sukan ketika kejadian disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEGARA

Tiada rekod suspek rempuh pelajar jalani rawatan mental

KUALA TERENGGANU – Wanita yang ditahan reman bagi membantu siasatan melanggar empat pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dungun pada Rabu lalu didapati tidak pernah mendapat rawatan kesihatan mental di negeri ini.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, berdasarkan semakan, tiada rekod rawatan kesihatan mental bagi suspek berusia 49 tahun itu dijumpai di mana-mana fasiliti kesihatan di negeri ini.

"Begitupun, kita tidak pasti sama ada wanita tersebut pernah mendapat rawatan mental di negeri-negeri lain," katanya ketika dihubungi *Kosmo!*

Semalam media melaporkan seorang suri rumah yang disyaki mengalami kecelaruan mental ditahan reman selama empat hari sehingga esok bagi membantu



KERATAN *Kosmo!* semalam.

siasatan melanggar empat pelajar UiTM Dungun sewaktu memandu kenderaan utiliti sukan (SUV) Honda CR-V pada Rabu lalu.

Kemalangan pada pukul 7.20 malam tersebut mengorbankan tiga mangsa iaitu Khairil Anwar Jamaludin, 20, Ku Adib Aizad Ku Azmi, 20 dan Muhammad Akmal Md. Tukirin, 25, manakala Muhammad Ammar Danish Mohammad Ridhuan, 20, pula cedera parah.

Dalam perkembangan sama, Kasemani menasihatkan agar in-



KASEMANI mengesahkan tiada rekod seorang wanita yang merempuh empat pelajar UiTM cawangan Dungun mendapatkan rawatan mental di mana-mana fasiliti kesihatan awam di Terengganu.

dividu berkemungkinan menghadapi penyakit mental agar segera dihantar ahli keluarga masing-masing untuk menjalani rawatan lanjut.

Beliau menjelaskan masyarakat perlu mengubah persepsi negatif terhadap penyakit mental dan tidak perlu malu untuk mendapatkan rawatan.

"Sebaliknya kita mesti memberi sokongan kepada golongan ini untuk menerima rawatan sewajarnya agar pulih demi masa depan yang lebih baik," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Tiada rekod rawatan mental di Terengganu

Namun suami dakwa isteri sering berhalusinasi selepas sedar daripada koma

Oleh NURFARDLINA IZZATI MOKTAR
KUALA TERENGGANU

Pemandu wanita yang dipercayai sakit mental dan merempuh dua motosikal hingga mengakibatkan tiga pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dungun maut Rabu lalu didapati tidak pernah mendapatkan rawatan berkaitan di mana-mana fasiliti kesihatan negeri ini.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr Kasemani Embong berkata, pihaknya telah membuat semakan dan mendapati wanita berusia 49 tahun terbabit tidak mempunyai sebarang rekod kesihatan sama ada di hospital atau klinik kesihatan.

"Bagaimanapun kita tidak pasti jika dia ada dapat rawatan di tempat atau negeri lain," katanya pada Jumaat.

Beliau sehubungan itu menasihati orang ramai yang mempunyai ahli keluarga yang mengalami masalah mental supaya tampil mendapatkan rawatan.

"Masyarakat perlu ubah mentaliti mengenai penyakit mental. Usaha malu untuk dapatkan rawatan.

"Ahli keluarga dan masyarakat perlu memberi sokongan kepada mereka (pesakit mental) untuk mendapat rawatan sewajarnya dan sembuh seperti sediakala," jelasnya.

Sementara itu, suami kepada



Wanita yang menyebabkan kematian tiga pelajar UiTM Dungun direman empat hari hingga Ahad ini.



suspek wanita berkenaan tampil memohon maaf.

Kata Azhar Ahmad, 53, dia berniat untuk berjumpa ahli keluarga mangsa dan meminta maaf namun hasratnya ditangguhkan atas nasihat pihak berkuasa.

Menurut Azhar, isterinya sebelum itu adalah seorang yang sangat baik serta penyayang kepada anak-anak dan suami.

"Masa mengandung anak keempat 10 tahun lalu, doktor mengesahkan isteri saya mengandung di luar rahim dan kandungan terpaksa digugurkan.

"Dia koma selama empat hari ketika mendapat rawatan di Hospital Kuala Terengganu.

"Selepas sedar daripada koma, isteri mula mengalami gangguan dan sering berhalusinasi dan bercakap

bersendirian.

"Saya sudah puas berubat termasuk secara tradisional namun semuanya tidak berhasil," katanya yang sudah 30 tahun mendirikan rumah tangga.

Azhar berkata, dia berharap supaya pihak pengurusan UiTM dapat membantunya untuk bertemu dengan kesemua ahli keluarga mangsa terbabit.

Kemalangan di depan pintu masuk UiTM di Jalan Pantai Sura, Dungun itu menyebabkan Khairil Anwar Jamaludin, 20; Muhammad Akmal Md Tukirin, 25, dan Ku Adib Aizad Ku Azmi, 20, yang menaiki motosikal Yamaha LC135 serta Yamaha Y15 meninggal dunia di lokasi kejadian.

Muhammad Amar Danish Mohammad Ridhuan, 20, pula cedera di pinggang dan sedang dirawat di Hospital Dungun.



DR KASEMANI

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Hapuskan caj pesakit luar

Kerajaan perlu laksana reformasi, tingkat pelaburan dalam empat bidang kritikal kesihatan

Oleh **DIANA AZIS
SHAH ALAM**

Pusat Galen untuk Dasar Kesihatan dan Sosial menggesa kerajaan melaksanakan reformasi dan meningkatkan pelaburan dalam empat bidang kritikal kesihatan iaitu pembiayaan kesihatan, penjagaan dialisis, dermatologi dan akses ubat-ubatan inovatif.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Azrul Mohd Khalib berkata, langkah tersebut bagi mengukuhkan keselamatan kesihatan selain potensi penyelesaian dalam menangani isu pengambilan dan pengkalan pekerja kesihatan.

"Caj RM1 dan RM5 untuk rawatan pesakit luar serta pakar di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

perlu dihapuskan kerana caj ini memberi tanggapan bahawa kos kesihatan di klinik kerajaan lebih murah dan mengelirukan orang ramai.

"Penghapusan ini mampu membuka ruang kepada reformasi dan pertimbangan serius terhadap cadangan pembiayaan kesihatan pada masa hadapan," katanya menerusi kenyataan pada Jumaat.

Beliau turut mencadangkan pengenalan rebat cukai di pusat dialisis swasta yang merawat pesakit dialisis peritoneal sebagai insentif kewangan dan sokongan kepada dasar National Peritoneal Dialysis First.

Ini kerana katanya, lebih 106,000 rakyat Malaysia akan menjalani dialisis menjelang tahun 2040 dengan kebanyakannya menjalani hemodialisis.

Selain itu, beliau turut menggesa kerajaan meningkatkan peruntukan ubat-ubatan bagi perkhidmatan dermatologi ekoran ramai pesakit bergantung kepada rawatan bagi memperbaiki kualiti hidup serta meng-



AZRUL

atasi stigma dan diskriminasi.

"Melabur dalam imunoterapi dan biologi memberi manfaat kos jangka panjang yang signifikan serta hasil kesihatan lebih baik.

"Walaupun ubatan dan rawatan ini mungkin melibatkan kos awal lebih tinggi berbanding terapi tradisional, namun lebih berkesan dalam mengawal simptom, mencegah perkembangan penyakit dan mempunyai profil keselamatan yang baik," ujarnya.

Bagi akses ubat inovatif, Azrul mencadangkan kerajaan memperuntukkan lima peratus daripada hasil tahunan duti eksais atas penjualan tembakau, vape, dan produk alkohol untuk membiayai pemerolehan ubat-ubatan inovatif.

Beliau berkata, ia akan menjadi dana berfokus, mampan dan disasarkan untuk memastikan ketersediaan terapi penyelamat nyawa bagi mereka yang memerlukan.

**BELAN
21**

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : NASIONAL

Tiga maut akibat denggi, jumlah kumulatif kematian meningkat

PUTRAJAYA - Tiga lagi kematian direkodkan akibat komplikasi demam denggi menjadikan 95 kematian dilaporkan berbanding 67 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, jumlah kes demam denggi dilaporkan setakat ini adalah 1,639 kes, berbanding 1,760 kes pada minggu

sebelumnya.

Beliau berkata, kumulatif kes demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi (ME) ke-40 atau tempoh 29 September hingga 5 Oktober adalah sebanyak 105,149 kes berbanding 91,910 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Menurut Dr Muhammad Radzi, bilangan lokaliti kawasan panas pada

ME ke-40 turut meningkat kepada 35 berbanding 33 pada ME ke-39.

"Daripada jumlah ini, sebanyak 26 lokaliti dikesan di Selangor, empat di Pulau Pinang dan dua di Negeri Sembilan.

"Johor, Kelantan dan Sabah pula masing-masing merekodkan satu lokaliti kawasan panas," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEWS/NATION

Stamp out cigarettes

Govt should not heed commercial opposition to anti-smoking policies

THE government's anti-smoking policies stretch back almost 50 years. The law in the early decades mandated a general warning on cigarette packs, smoking bans in public areas and a ban on cigarette advertising on public television and radio. The administration then, helmed by a visionary medical doctor, recognised the dangers of teenagers picking up the habit. These initiatives killed the popularity of walking a mile for a stick, puffing away while strutting to a disco beat and inhaling noxious smoke while embracing the high-adventure lifestyle portrayed by films and advertisements. Of course, the blitz could not completely banish smoking. It was undermined by free advertising and marketing: peer pressure and parental examples. It's why teenage smoking persists despite stiff regulations and campaigns, including the ban on the sale of cigarettes to minors in 1994. It may have cut the habit, with the percentage of smokers dwindling to 23.8 per cent of the population, but it wasn't fool-proof.

The government pushback against commercial tobacco pressures that imperil public safety may have reached its limits, so it's time for new strategies that go beyond education and restrictions.

The National Institutes of Health found that as far back as 2012, the United States tobacco-control programme suffered from ineffectively conveyed messages, as well as poor exposure and execution. Poorly enforced laws, defiant retailers and cheap, easy access to cigarettes compounded the problem. Malaysian cigarette retailers are now rallying against their existential threat by resisting Putrajaya's anti-smoking initiatives. To wit: the innocuous rule on changes to smoking product display cabinets. The cigarette retailers claim that it puts undue financial pressure on small traders. Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad rightly dismissed the claims as unreasonable, but his rationale that the resistance "stretches the imagination" may have missed the point.

Of course, retailers can afford to change their display cabinets: they just don't want to accede because that would mean another blow to their diminishing business model. Since a fatwa can't be used to dissuade smokers, the government has to devise more inventive rulings. Smokers were barred from lighting up in restaurants, but they naturally defied the rule, with some even willing to pay the fine for a puff. The government pushback against commercial tobacco pressures that imperil public safety may have reached its limit, so it's time for the implementation of new strategies that go beyond education and restrictions. This means multiple strategies to tackle the problem and improve anti-tobacco campaigns, especially for teenagers. In parallel, law enforcement has to be reinforced, tobacco duties raised and cigarette smuggling curbed. The bottom line is the government should not heed commercial opposition to long-term anti-smoking policies.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

Fadillah: 154 health projects completed at RM14.69bil

BACHOK: A total of 154 healthcare facility projects have been completed or are being carried out at a cost of RM14.69bil, says Datuk Seri Fadillah Yusof.

The Deputy Prime Minister said of these, 111 projects fell under the 9th Malaysia Plan (9MP), with 43 projects as part of the 12MP.

He said of these, 38 projects were in the pre-construction (planning) phase, involving an estimated RM2.33bil.

"Sixty-four projects are in the construction phase with a cost of

RM8.40bil, and 52 are in the post-construction phase at a cost of RM3.96bil," he said at the hand-over ceremony of the newly completed Bachok Hospital here yesterday.

Also present was Kelantan Menteri Besar Datuk Mohd Nassuruddin Daud.

Fadillah said the government's priority is to ensure that facilities and other public infrastructure provided offered comprehensive benefits to the people.

In Kelantan alone, there were

21 healthcare facility projects undertaken by the Public Works Department from the 10MP through to the 12MP.

Fadillah said these included two projects in the planning phase, six in the construction phase, and 13 projects already handed over, including two other hospitals – the Kuala Krai Hospital and the Tanah Merah Hospital.

Bachok Hospital is located in the Gunong district, strategically positioned in the heart of Bachok.

Fadillah said the hospital has a three-storey building with departmental components, including an operating theatre, a floor dedicated to mechanical and electrical facilities, as well as a separate building for waste management and ancillary services.

"I have been informed that the local community has eagerly awaited the completion of this hospital, as the existing health clinics and rural clinics are limited to initial screening and basic treatment only," he said.